



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72
No. 15

18hb Julai 2019

*TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 30.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

PERISYTIHARAN

OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG, TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P.

(Mohor Kerajaan)

TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
Pemangku Raja Pahang

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa Raja Pemerintah hendaklah dari semasa ke semasa memanggil Dewan Negeri:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, PEMANGKU RAJA PAHANG, TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri Pahang Darul Makmur bersidang dan menetapkan 15 April 2019 pada pukul 9.00 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi permulaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas, yang akan diadakan di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

TERMAKTUB di Pekan, Pahang pada 15 April 2019.

Dengan Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
Menteri Besar
Pahang

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PAHANG

PROCLAMATION

BY HIS ROYAL HIGHNESS THE REGENT OF PAHANG,
TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P.

(State Seal)

TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
The Regent of Pahang

WHEREAS it is provided by Clause (1) of Article 26 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang that the Ruler shall from time to time summon the Legislative Assembly:

NOW THEREFORE, WE, THE REGENT OF PAHANG TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., in exercise of the powers conferred upon US under Article 26 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang DO HEREBY SUMMON the Legislative Assembly and appoint 15 April 2019 at 9.00 a.m. in the morning as the date and time for the beginning of the First Sitting of the Second Session of the Fourteen Legislative Assembly of the State of Pahang, to be held at the Legislative Assembly Chamber, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

GIVEN at Pekan, Pahang this 15 April 2019.

By Command of His Royal Highness The Regent of Pahang

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
Menteri Besar
Pahang

Phg. P.U. 31.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG

PERISYTIHARAN

OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG, TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P.

(Mohor Kerajaan)

TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
Pemangku Raja Pahang

BAHAWASANYA Fasal (2) Perkara 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa Raja Pemerintah boleh memberhentikan Dewan Negeri:

DAN BAHAWASANYA wajar dan sesuai Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas yang bermula pada 15 April 2019 hingga 19 April 2019, ditamatkan pada 19 April 2019:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, PEMANGKU RAJA PAHANG, TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA sebagaimana yang tersebut di atas MEMBERHENTIKAN Dewan Negeri yang tersebut mulai 19 April 2019.

TERMAKTUB di Pekan, Pahang pada 8 Mei 2019.

Dengan Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
Menteri Besar
Pahang

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PAHANG

PROCLAMATION

BY HIS ROYAL HIGHNESS THE REGENT OF PAHANG,
TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P.

(State Seal)

TENGKU MAHKOTA TENGKU HASSANAL IBRAHIM
ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
The Regent of Pahang

WHEREAS Clause (2) of Article 26 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang provides that the Ruler may prorogue the Legislative Assembly:

AND WHEREAS it is desirable and convenient that the First Sitting of the Second Session of the Fourteen Legislative Assembly of the State of Pahang which commenced on the 15 April 2019 until 19 April 2019, shall terminate on the 19 April 2019:

NOW THEREFORE, WE, THE REGENT OF PAHANG TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH, D.K., S.S.A.P., S.I.M.P., in exercise of the powers conferred upon US as aforesaid PROROGUE the said Legislative Assembly with effect from 19 April 2019.

GIVEN at Pekan, Pahang this 8 May 2019.

By Command of His Royal Highness The Regent of Pahang

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
Menteri Besar
Pahang

Phg. P.U. 32.

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

KAEDAH-KAEDAH HUTAN (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 111 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini boleh dinamakan **Kaedah-Kaedah Hutan (Pindaan) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi daerah Cameron Highlands sahaja.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan Am

2. Kaedah-kaedah Hutan 1987 [*Phg. P.U. 20/1987*] yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “\$” di mana jua terdapat dengan perkataan “RM”.

Pindaan Jadual Keempat

3. Jadual Keempat Kaedah-kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam butiran 3.3, dengan menggantikan perkataan “\$300.00” dengan perkataan “RM1,500.00”;
- (b) dalam butiran 3.7, dengan menggantikan perkataan “\$300.00” dengan perkataan “RM1,500.00”;
- (c) dalam butiran 3.14, dengan menggantikan perkataan “\$100.00” dengan perkataan “RM1,500.00”; dan
- (d) dalam butiran 19—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Bayaran gantirugi kehilangan hasil hutan akibat projek pembangunan” dengan perkataan “Bayaran gantirugi kehilangan hasil hutan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan kadar “\$3,000.00/hektar” dengan perkataan “RM3,000.00/permit”.

Dibuat 25 Jun 2019

[PHN.Phg(S)19/69/0215; PUN.Phg.D/100/27/6]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

FOREST (AMENDMENT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by section 111 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Forest (Amendment) Rules 2019**.
- (2) These Rules shall be applicable for Cameron Highlands district only.
- (3) These Rules shall be deemed to have come into force on 1 January 2019.

General Amendment

2. Forest Rules 1987 [*Phg. P.U. 20/1987*] which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by substituting for the word “\$” wherever appearing the word “RM”.

Amendment of Fourth Schedule

3. The Fourth Schedule to the principal Rules is amended—
 - (a) in item 3.3, by substituting for the word “\$300.00” the word “RM1,500.00”;
 - (b) in item 3.7, by substituting for the word “\$300.00” the word “RM1,500.00”;
 - (c) in item 3.14, by substituting for the word “\$100.00” the word “RM1,500.00”; and
 - (d) in item 19—
 - (i) by substituting for the words “Compensation for loss of forest revenue due to project development” the words “Compensation for loss of forest revenue”; and
 - (ii) by substituting for the words “\$3,000.00 per hectares” the words “RM3,000.00 per permit”.

Made 25 June 2019

[PHN.Phg(S)19/69/0215; PUN.Phg.D/100/27/6]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Clerk of Council
State of Pahang

Phg. P.U. 33.

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM 1991**

**KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985**

[Phg. P.U. 33/2019]

(Disemak – 2019)

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM 1991**

**KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985**

| | | |
|--|--------|------------|
| Disemak sehingga | | 01-06-2019 |
| Tarikh versi semakan ini disiarkan dalam <i>Warta</i> | | 18-07-2019 |
| Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya versi semakan ini menurut perenggan 5(1)(xxiv) Enakmen Penyemakan Undang- Undang (Negeri Pahang) 2005 [<i>Enakmen 1</i>] | | 19-07-2019 |

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1986 sebagai Phg. P.U. 1/1986

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM 1991**

**KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

1. Tajuk ringkas
 2. Tafsiran
 3. Pelantikan Pendaftar dan pegawai
 4. Keperluan pendaftaran
 5. Pendaftar
 6. Permohonan
 7. Sijil Pendaftaran Sementara
 8. Pendaftaran
 9. Penolakan pendaftaran
 10. Kelulusan bersyarat
 11. Rayuan
 12. Pembatalan pendaftaran
 13. Pemeriksaan bangunan
 14. Sekolah yang tidak lagi wujud
 15. Kesalahan
 16. Kebenaran mendakwa
 17. Pemansuhan
- BORANG A
BORANG B

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan 116(n) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasihat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut bagi pendaftaran sekolah agama negeri Pahang:

[1 Januari 1986]

Tajuk ringkas

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pendaftaran Sekolah-Sekolah Agama Negeri Pahang 1985**.*

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-kaedah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991;

“Majlis” ertinya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

**“Pegawai Penguatkuasa Agama” ertinya pegawai-pegawai yang dilantik sebagai yang sedemikian di bawah seksyen 65;

“Pendaftar” berhubung dengan sekolah agama, ertinya seorang yang dilantik sebagai Pendaftar di bawah Kaedah-kaedah ini atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa menjalankan tugasnya”;

“pengurus” ertinya mana-mana orang yang mengurus pentadbiran sesebuah sekolah agama;

“sekolah agama” ertinya sebarang tempat di mana terdapat jumlah seramai dua puluh (20) orang atau lebih, tidak kira seramai mana yang hadir pada mana-mana ketika dalam satu hari, yang belajar atau lazim diberi

* NOTA – Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 hari bulan Januari 1986. – Rujuk Phg. P.U. 1 /1986.

** NOTA – Perkataan “Merinyu Ugama” diganti dengan perkataan “Pegawai Penguatkuasa Agama” di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991- Rujuk Enakmen No. 5 tahun 2001. Takrifan “Pegawai Penguatkuasa Agama” – Rujuk Enakmen A49/2015.

pelajaran dalam hal agama Islam sama ada dalam satu darjah atau lebih dan tempat-tempat itu termasuklah masjid, surau, balai islam, madrasah, balaisah dan taman bimbingan kanak-kanak akan tetapi tiada termasuk sebarang sekolah yang dibiayai atau dikelolakan oleh Kerajaan;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Pelantikan Pendaftar dan pegawai

3. Bagi maksud pendaftaran sekolah agama, Majlis dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah melantik seorang Pendaftar dan beberapa orang pegawai yang difikirkan perlu sama ada mereka terdiri daripada pegawai awam atau tidak.

Keperluan pendaftaran

4. Tertakluk kepada peruntukan di bawah Kaedah-kaedah ini, semua sekolah agama hendaklah didaftarkan mengikut Kaedah-kaedah ini.

Pendaftar

5. Pendaftar hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan suatu daftar mengikut bentuk yang ditentukan olehnya yang di dalam daftar itu direkodkan tiap-tiap buah sekolah—

- (a) nama dan alamat sekolah;
- (b) apa-apa butir mengenai pengurusan sekolah;
- (c) butir-butir mengenai pengurus dan guru sekolah;
- (d) bilangan murid mengikut kategori kanak-kanak, dewasa dan jantina;
- (e) mata pelajaran yang diajar;
- (f) apa-apa perubahan atau pindaan yang berlaku dari semasa ke semasa; dan
- (g) bahasa pengantar.

Permohonan

6. (1) Mana-mana orang atau badan bolehlah memohon mendaftar mana-mana tempat sebagai sekolah agama mengikut kehendak Kaedah-kaedah ini.

(2) Permohonan bagi pendaftaran sekolah agama hendaklah dibuat oleh mana-mana orang atau badan yang bertanggungjawab bagi pengurusan sekolah itu.

(3) Tiap-tiap permohonan di bawah subkaedah (2) hendaklah dalam bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

Sijil Pendaftaran Sementara

7. (1) Setelah menerima permohonan di bawah kaedah 6, Pendaftar bolehlah, mengikut budi bicaranya sementara menunggu laporan penyiasatan di bawah subkaedah 8(1), jika ada, mengeluarkan kepada pemohon suatu Sijil Pendaftaran Sementara bagi tempat itu.

(2) Sijil Pendaftaran Sementara hendaklah mengikut Borang A dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar bolehlah, mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa jua, membatalkan Sijil Pendaftaran Sementara dengan memberi notis yang ditandatangani olehnya dan diserahkan kepada orang yang kepadanya sijil itu dikeluarkan.

Pendaftaran

8. (1) Apabila menerima permohonan di bawah subkaedah 6(2) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya dijalankan penyiasatan jika difikirkan perlu.

(2) Apabila permohonan diluluskan, Pendaftar hendaklah menyebabkan ia didaftarkan dan mengeluarkan kepada pemohon sijil pendaftaran dalam Borang B.

Penolakan pendaftaran

9. Pendaftar bolehlah menolak permohonan bagi mendaftarkan sekolah agama apabila dia berpuas hati:

- (a) bahawa tapak atau bangunan yang dicadangkan tidak sesuai dari segi keselamatan, kesihatan dan ketidalcukupan;
- (b) bahawa pemohon atau orang yang bertanggungjawab menguruskan sekolah berkenaan bukanlah seorang yang layak dan sesuai untuk menguruskan sekolah;
- (c) bahawa nama sekolah yang dicadangkan tidak sesuai dari segi kepentingan umum;
- (d) bahawa telah wujud sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang secukupnya di kawasan sekolah yang dicadangkan untuk dibuka;
- (e) bahawa kenyataan yang diberi dalam borang permohonan adalah palsu atau mengelirukan; atau
- (f) sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar.

Kelulusan bersyarat

10. Pendaftar mengikut budi bicaranya boleh meluluskan pendaftaran sekolah agama tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang termasuklah—

- (a) bahawa tapak yang sesuai atau bangunan yang selamat dan mempunyai kemudahan yang secukupnya diadakan;
- (b) bahawa guru-guru mempunyai tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan;
- (c) bahawa orang yang bertanggungjawab menguruskan sekolah adalah seorang yang layak dan sesuai menguruskan sekolah; dan
- (d) bahawa nama sekolah yang dicadangkan hendaklah ditukar kepada suatu nama lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

Rayuan

11. (1) Apabila sesuatu permohonan itu ditolak di bawah kaedah 9 atau diluluskan tertakluk kepada kaedah 10, Pendaftar hendaklah menyampaikan atau menyebabkan supaya disampaikan kepada pemohon notis yang ditandatangani mengenai penolakan atau syarat-syarat yang dikenakan itu.

(2) Mana-mana pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan penolakan permohonannya atau syarat-syarat yang dikenakan bolehlah mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis disampaikan kepadanya.

(3) Rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Sulit Baginda.

Pembatalan pendaftaran

12. (1) Pendaftar bolehlah pada bila-bila masa jua membatalkan pendaftaran sesebuah sekolah agama jika dia mendapati sekolah itu melanggar mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-kaedah ini atau Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 atau di atas sebarang sebab yang didapati munasabah oleh Majlis.

(2) Notis secara bertulis mengenai cadangan membatalkan pendaftaran sekolah itu hendaklah disampaikan kepada pihak berkuasa sekolah dengan menyatakan sebab atau sebab-sebab cadangan pembatalan dibuat.

(3) Apabila pihak berkuasa sekolah menerima notis di bawah subkaedah (2), ia bolehlah mengemukakan rayuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu.

(4) Jika rayuan tidak dikemukakan di bawah subkaedah (3) atau jika rayuan itu ditolak Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran sekolah itu.

Pemeriksaan bangunan

13. Apabila terdapat aduan bahawa mana-mana tempat, rumah atau bangunan telah digunakan sebagai sekolah agama dan Pendaftar berpuas hati bahawa tempat, rumah atau bangunan itu tidak didaftarkan sebagai sekolah agama atau pendaftarannya telah dibatalkan menurut peruntukan di bawah kaedah 12 Pendaftar, mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa khas olehnya secara bertulis atau *Pegawai Penguatkuasa Agama boleh memasuki serta memeriksa tempat, rumah atau bangunan itu dan mengambil sebarang buku, dokumen, cop dan alat-alat lain yang dipercayai dipunyai atau digunakan oleh sekolah itu.

Sekolah yang tidak lagi wujud

14. (1) Jika Pendaftar mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana sekolah yang didaftarkan itu tidak lagi wujud, dia bolehlah menyerah atau menyebabkan supaya diserahkan notis kepada pengurus atau orang yang bertanggungjawab menguruskan sekolah itu untuk meminta supaya dibekalkan kepadanya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu bukti yang menunjukkan kewujudan sekolah itu.

(2) Jika selepas tempoh tiga puluh hari itu Pendaftar berpuas hati bahawa sekolah itu tidak lagi wujud dia bolehlah membatalkan pendaftarannya.

(3) Jika dalam hal yang termasuk di bawah subkaedah (1) Pendaftar tidak berupaya mendapatkan sesiapa untuk menerima notis itu di bawah perenggan itu, dia bolehlah membatalkan pendaftaran sekolah itu.

Kesalahan

15. Sesiapa dengan apa cara jua menubuh, mengurus atau mengendalikan sekolah agama dengan tidak mempunyai sijil pendaftaran di bawah Kaedah-kaedah ini atau sijil pendaftarannya telah dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 13 dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 [*Enakmen 11*] dan apabila disabitkan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Kebenaran mendakwa

16. Pendakwaan tiada boleh dijalankan ke atas kesalahan di bawah Kaedah-kaedah ini melainkan dengan keizinan bertulis daripada Mufti.

Pemansuhan

17. Peraturan-peraturan Mengawal Sekolah-sekolah Ugama 1969 [*Phg. P.U. 8/69*] adalah dengan ini dimansuhkan.

* NOTA – Perkataan “Merinyu Ugama” diganti dengan perkataan “Pegawai Penguatkuasa Agama” – Rujuk Enakmen No. 5 tahun 2001.

BORANG A

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985

(Subkaedah 7(1))

SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA SEKOLAH AGAMA

No.

Bahawa Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dengan ini membenarkan yang beralamat di mengendalikn pelajaran agama di

2. *Sijil sementara ini akan tamat pada
3. *Pendaftaran sementara ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa jua dengan notis bertulis ditandatangani oleh Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama.
4. Pendaftaran sementara ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - (a) peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 serta peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.
 - (b) guru-guru hendaklah mempunyai tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.
 - (c)
 - (d)
 - (e)

Tarikh:

.....
*Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama,
Negeri Pahang*

BORANG B

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985

(Subkaedah 8(2))

SIJIL PENDAFTARAN SEKOLAH AGAMA

No.

Bahawa Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dengan ini membenarkan yang beralamat di mengendalikan pelajaran agama di

2. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 serta kaedah-kaedah dan arahan-arahan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.
- (b) guru-guru hendaklah mempunyai tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.
- (c)
- (d)
- (e)

Tarikh:

.....
*Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama,
Negeri Pahang*

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|----------------------------|---------------|--------------------|
| | - TIADA - | |

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Peraturan/peruntukan | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|----------------------|---------------|--------------------|
| | - TIADA - | |

UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

**KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
NEGERI PAHANG 1985**

(Disemak – 2019)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-
UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 5 ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(NEGERI PAHANG) 2005
[ENAKMEN 1]

| Kaedah | Senarai pindaan | Kuasa meminda |
|-------------------|---|--|
| Tajuk | <p>1. Perkataan “ENAKMEN PENTADBIRAN UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG 1982” diganti dengan perkataan “ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991”.</p> <p>2. Perkataan “PERATURAN-PERATURAN” diganti dengan perkataan “KAEDAH-KAEDAH”.</p> <p>3. Perkataan “UGAMA” diganti dengan perkataan “AGAMA”.</p> | <p>Perenggan 5(1)(viii); Perenggan 5(1)(xxi);</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> |
| Susunan kandungan | Susunan kandungan di bawah tajuk “SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH” dimasukkan. | Perenggan 5(1)(vi) |
| Permulaan | <p>1. Perkataan “seksyen 248(<i>n</i>)” diganti dengan perkataan “perenggan 116(<i>n</i>)”.</p> <p>2. Perkataan “Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982” diganti dengan perkataan “Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991”.</p> <p>3. Memasukkan perkataan “[<i>Enakmen No. 3 tahun 1991</i>]” selepas tahun 1991.</p> <p>4. Perkataan “Peraturan-peraturan” diganti dengan perkataan “kaedah-kaedah”.</p> <p>5. Huruf “P” pada perkataan “Pendaftaran” diganti dengan huruf “p”.</p> <p>6. Huruf “S” pada perkataan “sekolah” diganti dengan huruf “s”.</p> <p>7. Perkataan “Ugama” diganti dengan perkataan “agama”.</p> <p>8. Huruf “N” pada perkataan “negeri” diganti dengan huruf “n”.</p> | <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> <p>Perenggan 5(1)(viii); Perenggan 5(1)(xxi)</p> <p>Perenggan 5(1)(iii)</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> <p>Perenggan 5(1)(xiv)</p> |
| Tarikh kuat kuasa | Tarikh kuat kuasa dimasukkan dalam kurungan segi. | Subperenggan 5(1)(i)(e) |

| Kaedah | Senarai pindaan | Kuasa meminda |
|----------|---|---|
| Kaedah 1 | 1. Dalam nota bahu— <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="435 331 848 380">i. perkataan “nama” diganti dengan perkataan “Tajuk ringkas”. <li data-bbox="435 401 848 426">ii. perkataan “dan pemakaian” ditinggalkan. 2. Perkataan “Peraturan-peraturan” diganti dengan perkataan “Kaedah-kaedah”. 3. Perkataan “Peraturan-peraturan” diganti dengan perkataan “Kaedah-Kaedah” . 4. Huruf “s” pada perkataan “Sekolah-sekolah” diganti dengan huruf “S”. 5. Perkataan “Ugama” diganti dengan perkataan “Agama”. 6. Perkataan “dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1986” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) Subperenggan 5(1)(i)(e) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Subperenggan 5(1)(i)(e) |
| Kaedah 2 | 1. Perkataan “Peraturan-peraturan” diganti dengan perkataan “Kaedah-kaedah”. 2. Perkataan “Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982” diganti dengan perkataan “Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991”. 3. Perkataan “Merinyu Ugama” diganti dengan perkataan “Pegawai Penguatkuasa Agama”. 4. Perkataan “Ugama” diganti dengan perkataan “agama”. 5. Huruf “P” pada perkataan “Pengurus” diganti dengan huruf “p”. 6. Huruf “S” pada perkataan “Sekolah” diganti dengan huruf “s”. 7. Huruf “M”, “S”, “B” “I”, “M”, “B” dan “T” “B” “K-K” pada perkataan Masjid, Surau, Balai Islam, Madrasah, Balaisah dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak diganti dengan huruf “m”, “s”, “b” “i”, “m”, “b” dan “t” “b” “k-k”. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xxi); Perenggan 5(1)(viii); Subperenggan 5(1)(i)(i); Perenggan 5(1)(xxi) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Kaedah 3 | 1. Dalam nota bahu— <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="435 1492 848 1542">i. Perkataan “Lantikan” diganti dengan perkataan “Pelantikan”. <li data-bbox="435 1563 848 1612">ii. Huruf “P” pada perkataan “Pegawai-pegawai” diganti dengan huruf “p”. <li data-bbox="435 1633 848 1683">iii. Perkataan “pegawai-pegawai” diganti dengan perkataan “pegawai”. 2. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |

| Kaedah | Senarai pindaan | Kuasa meminda |
|----------------|---|---|
| Kaedah 4 | 3. Perkataan “setelah diperkenankan oleh” diganti dengan perkataan “dengan berkenan”. 1. Dalam nota bahu, huruf “ P ” pada perkataan “ Pendaftaran ” diganti dengan huruf “ p ” | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Kaedah 5 | 2. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. 1. Dalam nota bahu, perkataan “ Daftar ” diganti dengan perkataan “ Pendaftaran ”. 2. Perkataan “mengarahkan” diganti dengan perkataan “menyebabkan”. 3. Perkataan “bagi sekolah ugama” ditinggalkan. 4. Perkataan “borang” diganti dengan perkataan “bentuk”. 5. Perkataan “dan” diganti dengan perkataan “yang di dalam”. 6. Memasukkan perkataan “itu direkodkan” selepas perkataan “daftar”. 7. Perkataan “bagi” ditinggalkan. 8. Memasukkan tanda baca “sempang” selepas perkataan “sekolah”. 9. Perkataan “itu hendaklah mengandungi” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 5(b) | 1. Memasukkan perkataan “apa-apa” sebelum perkataan “butir-butir”. 2. Perkataan “butir-butir” diganti dengan perkataan “butir”. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 5(c) | 1. Perkataan “kenyataan” ditinggalkan. 2. Perkataan “sekolah” ditinggalkan. 3. Perkataan “guru-guru yang mengajar” diganti dengan perkataan “guru sekolah”. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 5(e) | Perkataan “jenis ilmu” diganti dengan perkataan “mata pelajaran”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 5(f) | Perkataan “masa” diganti dengan perkataan “semasa”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 6(1) | 1. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. 2. perkataan “peraturan-peraturan” diganti dengan perkataan “Kaedah-kaedah”. | Perenggan 5(1)(xiv) Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 6(2) | 1. Perkataan “kerana” diganti dengan perkataan “bagi”. | Perenggan 5(1)(xiv) |

| Kaedah | Senarai pindaan | Kuasa meminda |
|----------------|---|---------------------|
| | 2. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Perkataan “berkenaan dan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar” diganti dengan perkataan “itu”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 6(3) | 1. Perkataan “perenggan (2) Peraturan ini” diganti dengan perkataan “subkaedah (2)”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “borang” diganti dengan perkataan “bentuk”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 7(1) | 1. Perkataan “Peraturan 6” diganti dengan “kaedah 6”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “budibicaranya” dijarakkan kepada “budi bicaranya”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Perkataan “Peraturan 8(1)” diganti dengan perkataan “subkaedah 8(1)”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 7(2) | Perkataan “Sijil-sijil” diganti dengan perkataan “Sijil”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 7(3) | 1. Perkataan “budibicaranya” dijarakkan kepada “budi bicaranya”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “memegang” diganti dengan perkataan “kepadanya”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Perkataan “yang” diganti dengan perkataan “itu”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 4. Perkataan “itu” selepas perkataan “dikeluarkan” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 8(1) | 1. Perkataan “Peraturan 6(2)” diganti dengan perkataan “subkaedah 6(2)”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “mengarahkan” diganti dengan perkataan “menyebabkan”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Subkaedah 8(2) | 1. Perkataan “Setelah” diganti dengan perkataan “Apabila”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “mendaftarkannya” diganti dengan perkataan “menyebabkan ia didaftarkan”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Huruf “S” pada perkataan “Sijil” diganti dengan huruf “s”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 4. Huruf “P” pada perkataan “Pendaftaran” diganti dengan huruf “p”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 5. Perkataan “mengikut” diganti dengan perkataan “dalam”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Kaedah 9 | 1. Dalam nota bahu, huruf “ P ” pada perkataan “ Pendaftaran ” diganti dengan huruf “ p ”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “kerana” diganti dengan perkataan “bagi”. | Perenggan 5(1)(xiv) |

| Kaedah | Senarai pindaan | Kuasa meminda |
|--|---|---------------------|
| | 3. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 4. Perkataan “ia” diganti dengan perkataan “dia”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 5. Perkataan “berpuashati” dijarakkan kepada “berpuas hati”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 6. Perkataan “bahawa” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 9(a) hingga perenggan 9(e) | 1. Memasukkan perkataan “bahawa” pada permulaan ayat bagi setiap perenggan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “kemudahan yang diperuntukkan” diganti dengan perkataan “ketidakcukupan”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Perkataan “mengendalikan urusan” diganti dengan perkataan “untuk menguruskan”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 4. memasukkan perkataan “untuk dibuka” selepas perkataan “dicadangkan”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 5. Perkataan “didapati butir-butir” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 6. Perkataan “tidak benar” diganti dengan perkataan “adalah palsu”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 9(f) | Perkataan “menasabah” diganti dengan perkataan “munasabah”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Kaedah 10 | 1. Dalam nota bahu, huruf “ B ” pada perkataan “ Bersyarat ” diganti dengan huruf “ b ”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “budibicaranya” dijarakkan kepada “budi bicaranya”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 3. Perkataan “ugama” diganti dengan perkataan “agama”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 4. Perkataan “dengan” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 5. Perkataan “dan syarat-syarat tersebut” diganti dengan perkataan “yang”. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| Perenggan 10(a) hingga perenggan 10(d) | 1. Memasukkan perkataan “bahawa” pada permulaan ayat bagi setiap perenggan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
| | 2. Perkataan “hendaklah” ditinggalkan. | Perenggan 5(1)(xiv) |
